

Keikhlasan Dr Mahathir mahu 'berundur tidak harus dipersendakan

24 JUN 2002

SEMALAMAN selepas kejutan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) yang disusuli pengumuman bahawa Perdana Menteri bersetuju menarik balik keputusan berkenaan, tanda tanya dan andaian mengenainya jelas belum lenyap. Kita percaya pihak yang masih ragu-ragu bukanlah sangat bertujuan untuk mencurigai pengumuman Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam kehnarin bahawa Dr Mahathir akan kembali menyambung tugasnya selepas bercuti 10 hari di luar negara. Sebaliknya, ramai yang mengharapkan Dr Mahathir sendiri mengumumkan penarikan balik peletakan jawatannya agar mereka dapat lebih meyakinkannya. Tanpa pengumuman sedemikian - Dr Mahathir dan isteri, Datin Set-i Dr Siti Hasmah Mohd Ali, sudah pun berlepas ke Itali pagi semalam - keraguan sama ada ia benar sebagaimana diumumkan Dr Mahathir di akhir ucapan penggulangannya pada Perhimpunan Agung Umno kelmarin, atau pengumuman Abdullah bagi mententeramkan perwakilan, atau 'sandiwaranya terbesar' sebagaimana didakwa parti pembangkang, terutama Pas dan DAP, terus mengundang pelbagai tafsiran. Satu pengumuman penting dijadualkan dibuat selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno, esok dan sehingga itu, pelbagai khabar angin sudah mula tersebar luas.

Pengunduran Dr Mahathir, termasuk daripada jawatan Perdana Menteri, lambat-laun akan berlaku juga sebagaimana beberapa kali dinyatakan tanpa menetapkan tempoh masa khusus. Cuma pengumuman yang tidak diduga ketika pelbagai perkembangan membawa kepada Perhimpunan Agung Umno yang tamat kelmarin sebenarnya menyerlahkan kepercayaan dan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap Dr Mahathir, dirasakan terlalu mengejutkan. Ramai yang mendorong untuk percaya bahawa sesudah menghampiri ulang tahun ke-21 selaku Presiden Umno dan Perdana Menteri pada 28 Jun ini, Dr Mahathir akan terus memegang kuasa untuk tempoh beberapa ketika lagi. Baik perwakilan di dewan persidangan mahupun mereka yang menyaksikannya menerusi siaran langsung televisyen, tergamam, seolah-olah tidak percaya apa yang mereka dengar serta enggan merelakan persaraan beliau.

Namun, tidak benar jika mereka berandaian bahawa Dr Mahathir tidak pernah member-i sebarang isyarat atau petanda. Jika disorot, Dr Mahathir pernah menyatakan pada 1999 bahawa beliau akan mencari masa sesuai selepas pilihan raya

umum tahun berkenaan untuk berundur setelah gagal berbuat demikian disebabkan pelbagai kegawatan dalam negara yang menghalangnya bersara sebagaimana dikehendakinya pada 1998. Kemudian, selepas mengumumkan barisan Kabinet pada 10 Disember 1999, Dr Mahathir mengulangi bahawa penggal sekarang adalah yang terakhir baginya. Kalau pun ada sedikit perubaban, ia berkisar kepada kenyataan Dr Mahathir sendiri pada hari pertama Perhimpunan Agung Umno tahun lalu bahawa soal bila beliau akan bersara bukan hanya membabitkan keputusannya seorang tetapi perlu mengambil kira pandangan ahli parti.

Sebab-sebab Dr Mahathir tidak membincangkan lebih dulu dengan ahli MT hasratnya berundur bag1 melicinkan proses peralihan kepemimpinan, tidak sukar difahami. Hakikat bahawa beliau tidak memaklumkan secara khusus kepada keluarganya sendiri, menunjukkan ia adalah rahsia besar yang mahu dielakkannya daripada bocor agar tiada ruang waktu untuk sesiapa memujuknya mengubah pendirian. Ringkasnya, Dr Mahathir memang sudah bulat dengan tekad dan keputusan untuk berundur - jauh sekali untuk bersandiwaranya, menguji sokongan atau menagih simpati terhadap diri sendiri mahupun parti dan kerajaan yang dipimpinya. Lagipun, Dr Mahathir - di sebalik kekecewaannya terhadap sikap orang Melayu yang meneruskan pergantungan kepada subsidi dan bantuan untuk bersaing - tidak perlu lagi ternanti-nanti keadaan dan persekitaran lebih kondusif untuk sekadar menjadi ahli Umno biasa semula.

Memetik kata-katanya sendiri, golongan tua dan muda sudah kembali bersemangat menyokong perjuangan Umno untuk tambah memperkasakannya, kakitangan awam majoritinya kini memihak kerajaan berbanding keadaan pada 1998 di samping ekonomi negara sudah kembali stabil selepas menempuh dua kali kegawatan. Jadi, berlawanan dengan tanggapan kononnya beliau merajuk atau kecewa, Dr Mahathir sebenarnya sudah boleh merenung sumbangannya selama hampir 21 tahun sebagai pemimpin dengan sedikit-sebanyak kepuasan dan kejayaan, kalau pun tidak secara keseluruhannya. Di samping itu, sebagai menepati syaratnya yang dinyatakan kepada satu rombongan wartawan Afrika pada 1999 bahawa beliau tidak boleh membiarkan kepada seorang timbalan yang belum berpengalaman untuk menguruskan juka saja hal-ehwal parti dan kerajaan tetapi juga pilihan raya (tahun berkenaan), Dr Mahathir jelas tidak lagi mempunyai sebarang keraguan.

Pengumuman mengejutnya untuk melepaskan pelbagai jawatan kelmarin, sebenarnya adalah juga pengiktirafan kepada Pak Lah untuk mengambil alih kepemimpinan. Lebih daripada itu, ia menidakkan cercaan kalangan tertentu dalam parti pembangkang yang mengandaikan Dr Mahathir akan berpaut pada jawatannya sehingga akhir hayat kerana kononnya bimbang dikenakan pelbagai tindakan yang hanya mereka dapat bayangkan atau ada-adakan. Dr Mahathir sudah membuktikan beliau tidak gentarkan apa-apa, jauh sekali musuh-musuh politiknya. Keikhlasan Dr Mahathir untuk berundur sesudah tempoh hampir 21 tahun yang dirasakannya terlalu lama tidak pun perlu diragui, sebaliknya hendaklah dihormati. Cuma, kalau pun Dr Mahathir berjaya dipujuk untuk menanggulkan persaraannya buat beberapa ketika lagi berikutan usul yang diluluskan sebulat suara oleh Perhimpunan Agung Umno kelmarin serta rayuan bersungguh-sungguh oleh ahli MT, kita semua hendaklah yakin dan percaya ia didorong oleh rasa takut beliau untuk mengecewakan harapan besar bangsanya sendiri.